

3 (a) *Al-Muntaqim* dan *al-Jabbar* merupakan nama-nama Allah SWT.

(i) Nyatakan maksud *al-Muntaqim*. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT *al-Muntaqim*. [4 markah]

(iii) Keimanan kepada *al-Jabbar* melahirkan rasa gerun untuk bersikap takabur. Jelaskan **empat** akibat sikap takabur. [4 markah]

(b) Sebahagian besar umat Islam di Malaysia berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(i) Nyatakan **dua** nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]

Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah.
--

(ii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]

4 (a) Sembelihan merupakan cara terbaik untuk menghilangkan nyawa binatang yang akan dijadikan sebagai makanan kepada manusia.

(i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat sah bagi penyembelih. [2 markah]

(iii) Nyatakan **dua** rukun sembelihan. [2 markah]

(iv) Terangkan **dua** hikmah sembelihan dari sudut sains. [4 markah]